

30 JUN 2001

Puteri-Memorandum

PERLU ADA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEMUA INSIDEN DI UM

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Memorandum Puteri Umno yang mendesak Naib Canselor Universiti Malaya Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zin meletakkan jawatan tidak menyentuh hal peribadi tetapi atas jawatannya sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap beberapa insiden yang berlaku di universiti itu.

Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said berkata pihaknya tidak bermusuhan dengan Dr Anuar Zaini secara peribadi "tetapi sebagai orang nombor satu di UM, beliau bertanggungjawab terhadap beberapa perkembangan yang tidak menyenangkan di universiti itu terutama sebelum kejadian kebakaran Dewan Tunku Canselor."

Beliau berkata antara perkara itu termasuk penerbitan "Varsiti 2001" yang kandungannya menghina dan mencaci pemimpin negara.

Katanya selepas Varsiti 2001, timbul pula risalah menghasut pelajar membenci Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diedarkan di kolej kediaman para pelajar.

Azalina berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi moderator bagi forum mahasiswa dalam "Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru" di Universiti Malaya di sini, hari ini.

Azalina berkata dalam risalah itu pelajar disogokkan dengan pelbagai cacian dan maki hamun terhadap Dr Mahathir dan menyeru mereka menghalang Perdana Menteri daripada memasuki kampus UM esok.

Beliau berkata Varsiti 2001 dan risalah itu merupakan amaran awal tentang tindakan tidak wajar golongan tertentu bagi menimbulkan rasa kebencian di kalangan pelajar UM terhadap pemimpin.

Katanya apa yang lebih menyedihkan ialah risalah itu diedarkan di kolej kediaman pelajar tanpa sebarang kawalan.

"Kami takut akan wujud budaya militan dalam universiti-universiti di mana apabila pelajar membuat sesuatu, tiada yang akan bertanggungjawab," katanya.

Sebagai sebuah pertubuhan politik, katanya Puteri Umno berhak menyuarakan kebimbangannya dalam soal itu.

Azalina berkata persoalan utama dalam isu ini ialah "harus ada yang bertanggungjawab terhadap perkara yang berlaku di UM dan orang yang dipertanggungjawabkan ialah Naib Canselor sendiri."

--BERNAMA

AKT RV NAK